

Serlah kreativiti seni reka

Pertunjukan fesyen menampilkan gabungan antara budaya timur dan barat yang diadakan di Muzium Testil baru-baru ini mendapat tepukan gemuruh daripada hadirin.

Rata-ratanya melahirkan rasa kagum dan terujanya mereka terhadap pereka yang begitu kreatif menata pakaian sedemikian indah.

Hannah Waijuhi Waihumbu dari Kenya, Bishrel Byambayav, Mongolia dan Sepideh Zendieh dari Iran adalah tiga pereka fesyen yang bertanggungjawab mencipta rekaan unik berkenaan. Mereka merupakan graduan De Institute of Creative Arts and Design (ICAD), Fakulti Sains Sosial dan Seni Liberal, Universiti UCSI.

Waihumbu, Bishrel dan Sepideh telah mempamerkan seni reka yang spesifik berasaskan elemen kebudayaan negara masing-masing. Reka bentuk pakaian terhasil melalui inspirasi-inspirasi estetik Japanese Wabi-Sabi, pakaian etnik Massai dan Victorian-Era.

Waihumbu berkata, pertunjukan fesyen yang diadakan itu seperti satu simbolik bagi meraikan kejayaannya menamatkan pengajian di UCSI.

"Tak sangka rekaan saya berpeluang

untuk dipamerkan kepada umum pada hari ini. Mungkin ini adalah permulaan yang pertama buat kami dalam industri fesyen," katanya.

Bishrel dan Sepideh pula memberitahu, pembelajaran mereka di UCSI boleh diibaratkan seperti satu pengembaraan yang sangat hebat di mana mereka telah didedahkan dengan pelbagai maklumat berkaitan industri fesyen.

"Dunia fesyen sentiasa berubah mengikut perkembangan masa. Bermacam jenis fesyen telah direka bentuk dan dicipta untuk masyarakat.

"Justeru, kami perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu agar fesyen yang di tampil sentiasa segar dan berbeza seperti sebelumnya," kata mereka.

ICAD DIPUJI

Naib Canselor dan Presiden Universiti UCSI, Prof Datuk Dr Khalid Yusoff memberi pujian kepada ICAD dan graduannya atas

dedikasi yang ditunjukkan itu.

"Pertunjukan fesyen ini telah mencerminkan komitmen universiti dalam memupuk hubungan industri dalam kesemua program akademik.

"ICAD telah menjalankan pelbagai kerjasama dengan para pemain

industri terkemuka dengan tujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan mengenai amalan-amalan terbaik industri ke dalam bilik darjah. Kami mahukan pelajar untuk menimba ilmu daripada tokoh-tokoh industri yang terbaik.

"UCSI sentiasa berkemahuan untuk para pelajarnya menjadi golongan profesional yang memenuhi keperluan industri," kata beliau.

Sementara itu, majlis

ijazah dan pertunjukan fesyen telah dihadiri beberapa pemain industri fesyen yang terkenal di Malaysia, antaranya Pengarah Eksekutif FJ Benjamin, Karen Chong dan Rino Rinaldi serta wakil-wakil dari Young Designers Arena (Yoda), Styling Pavilion, Zalora, Emmagem dan Poney.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Ibrahim Ismail; Pengasas Universiti UCSI, Datuk Peter Ng dan Naib Canselor (Penyelidikan dan Hubungan Akademik), Prof Dr Teoh Kok Soo.





Dari kiri: Sepideh, Waihumbu dan Bishrel di samping lakaran seni reka fesyen masing-masing.



GRADUAN
UCSI PUNYAI
BAKAT
TERPENDAM

Sepideh
bersama
model yang
memperagakan
hasil ciptaannya.